

06 MAY 2002

DBP DAN ABIM ANJUR SYARAHAN PERDANA SOKONG PALESTIN

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) akan menganjurkan majlis Syarahan Perdana Rabu ini di sini bagi menunjukkan bahawa umat Malaysia bersatu-padu dalam menyuarakan hak kemanusiaan rakyat Palestin.

Pengerusi Lembaga Pengelola DBP, Datuk Haji Abdul Rahim Abu Bakar berkata Perdana Menteri Datuk seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan syarahan pada majlis bertemakan "Palestin dan Kemanusiaan" yang akan diadakan di DBP mulai 8.15 malam.

Presiden PAS Datuk Fadzil Noor juga akan menyampaikan syarahan pada malam itu, katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Majlis itu antara lain bertujuan mengajak warga Malaysia bersama-sama dengan warga Palestin menuntut hak mereka, katanya.

Yang akan turut diadakan ialah pameran tentang Palestin dan perjuangan rakyatnya menentang Israel sumbangan Kumpulan The New Straits Times Press, selama dua minggu di Balai Keris Mas, DBP.

Mereka yang berminat untuk menghadiri majlis ini boleh menghubungi Unit Komunikasi Korporat DBP ditalian 03-21418971 atau 03-21481011 sambungan 611/617 dan Bahagian Agama, Falsafah dan Tamadun Islam DBP ditalian 03-21482330 atau 03-21481011 sambungan 347 atau 335.

-- BERNAMA

NJ AHH LAT